

Isu Palestin: Muhyiddin Nyatakan Pendirian Malaysia Kepada Ahli Republikan Tennessee
Bernama
Aug 7, 2014

PUTRAJAYA, 7 Ogos (Bernama) -- Malaysia mahu masyarakat antarabangsa memainkan peranan lebih berani bagi melindungi dan mempertahankan hak rakyat Palestin dan menamatkan pertumpahan darah di Gaza.

Pendirian itu dinyatakan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa Senat Amerika Syarikat, Ahli Republikan Tennessee Senator Bob Corker ketika menerima kunjungan Corker di pejabatnya di sini Khamis.

Dalam pertemuan itu, Muhyiddin menyatakan pendirian dan komitmen Malaysia yang berterusan dan tidak pernah berubah dalam isu Palestin.

"Pendirian Malaysia untuk memberikan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada perjuangan rakyat Palestin tidak pernah luntur," kata Muhyiddin dalam satu kenyataan yang dikeluarkan sempena kunjungan hormat itu.

Beliau berkata kerajaan dan rakyat negara ini menentang dan mengutuk serangan dan segala bentuk kezaliman, penindasan serta diskriminasi yang dilakukan Zionis Israel terhadap rakyat Palestin.

Malaysia juga menggesa supaya Israel menghentikan kekejamannya ke atas rakyat Palestin di Gaza dan meminta Amerika Syarikat memainkan peranan lebih penting dalam memastikan kestabilan dan keamanan yang berterusan di Gaza, katanya.

Muhyiddin berkata Malaysia telah menuntut supaya Israel segera menghentikan pembunuhan kejam beramai-ramai dan perbuatan tidak berperikemanusiaan ke atas penduduk awam yang tidak bersenjata di Gaza.

Pertemuan kira-kira 45 minit itu turut menyentuh tentang isu kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370 dan pesawat MH17 yang terhempas di Ukraine, Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), perkembangan di Laut China Selatan dan susulan lawatan Presiden Amerika Syarikat Barack Obama ke Malaysia pada April lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1058479>